

**GARIS PANDUAN  
PERKHIDMATAN ANALISIS SAMPEL MAKANAN UNTUK PENGEKSPORTAN  
FRESH FOOD OF PLANT ORIGIN (FFPO) KE INDONESIA**

**PENGENALAN**

1. Negara Indonesia telah menetapkan peraturan baru keselamatan makanan bagi produk *Fresh Food of Plant Origin* (FFPO) yang akan dieksport ke Indonesia di mana ianya perlu mematuhi peraturan *Indonesian Agricultural Quarantine Agency* (IAQA).
2. FFPO ialah makanan dari sumber tumbuhan yang belum diproses, sedia untuk dimakan, diproses secara minimum dan / atau sebagai bahan mentah untuk pemprosesan makanan.
3. Sebagai memenuhi keperluan eksport produk FFPO ke Indonesia, garis panduan ini diwujudkan sebagai panduan perkhidmatan analisis sampel makanan dan pengeluaran *Certificate of Analysis* (COA) oleh Makmal Keselamatan dan Kualiti Makanan (MKKM), Kementerian Kesihatan Malaysia.
4. Sehingga kini, skop analisis MKKM yang diiktiraf oleh IAQA adalah **residu racun perosak dan mikrobiologi**.

**PROSEDUR PERMOHONAN**

1. Setiap permohonan perkhidmatan analisis makanan hendaklah menggunakan borang **FFPO-1** iaitu borang **PERMINTAAN PERKHIDMATAN ANALISIS SAMPEL MAKANAN (REQUEST FOR ANALYSIS SERVICE OF FOOD SAMPLE) FRESH FOOD OF PLANT ORIGIN (FFPO)**. Borang ini boleh diperolehi di Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan, Jabatan Kesihatan Negeri atau muat turun di laman sesawang <http://fsq.moh.gov.my>.  

↓ [Muat turun borang Permintaan Perkhidmatan Analisis Sampel Makanan / Request For Analysis Service of Food Sample Fresh Food of Plant Origin \(FFPO\)](#)
2. Borang FFPO-1 yang lengkap diisi perlu dihantar bersama sampel FFPO beserta bayaran fi kepada mana-mana makmal berikut:

Nama dan alamat makmal	Pegawai bertanggungjawab
<p><b>Makmal Keselamatan dan Kualiti Makanan Selangor</b>            Blok C, Kompleks Kesihatan Bandar Botanik, Jalan Langat            41200 Klang            Selangor</p> <p>No. Tel: 03-3323789 atau 03-33237992</p>	<p>En. Abdul Ghani bin Abu Samah            (Ketua Makmal)</p> <p>Cik Hazly binti Mohamed</p>
<p><b>Makmal Keselamatan dan Kualiti Makanan Pulau Pinang</b>            Jalan Bagan Luar            12000 Butterworth            Pulau Pinang</p> <p>No. Tel: 04-3324924</p>	<p>En. Fadzil bin Othman            (Ketua Makmal)</p> <p>Pn. Kalaivani a/p Vengrasalam</p>
<p><b>Makmal Keselamatan dan Kualiti Makanan Perlis</b>            Jalan Abi Tok Hashim            01000 Kangar            Perlis</p> <p>No. Tel: 04-9768114 atau 04-9777599</p>	<p>En. Mohamad Suhaimi bin Ismail            (Ketua Makmal)</p> <p>Pn. Bazlinda binti Bahadon</p>
<p><b>Makmal Keselamatan dan Kualiti Makanan Sarawak</b>            Jalan Tun Abang Haji Openg,            93590 Kuching            Sarawak</p> <p>No. Tel: 082-417995</p>	<p>En. Eraou Anak Batang            (Ketua Makmal)</p> <p>Pn. Fazlina binti Sapee</p>

3. Setiap sampel yang dihantar perlu memenuhi kriteria penerimaan sampel seperti di **Lampiran 1**.

### **BAYARAN FI PERKHIDMATAN ANALISIS**

1. Fi untuk perkhidmatan analisis adalah sebagaimana yang dinyatakan di dalam jadual berikut:

Parameter	Fi (RM)
Residu Racun Perosak – Organofosforus	600.00/sampel
Residu Racun Perosak – Organoklorin	600.00/sampel
Residu Racun Perosak - Piretroid Sintetik	500.00/sampel
Mikrobiologi – Salmonella	200.00/sampel
Mikrobiologi – E.coli	150.00/sampel

2. Bayaran fi di atas adalah termasuk bayaran bagi pengeluaran COA. Sekiranya pihak pengeksort memerlukan **salinan pendua COA** yang diperakui sah, **fi tambahan** akan dikenakan sebanyak RM 50.
3. Semua bayaran fi termasuk fi tambahan perlu dibuat di atas nama **“PENGARAH JABATAN KESIHATAN NEGERI”**. Semua pembayaran perlu dibuat melalui **bank draf** atau **kiriman wang** atau **wang pos sahaja**.
4. Bayaran fi hendaklah dikemukakan kepada Makmal Keselamatan dan Kualiti Makanan (MKKM) yang berkaitan pada waktu bekerja sahaja.
5. Sebarang bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan.

#### **CARTA ALIR PERKHIDMATAN ANALISIS SAMPEL MAKANAN UNTUK PENGEKSPORTAN FFPO KE INDONESIA**

1. Carta alir perkhidmatan analisis sampel makanan untuk pengeksportan FFPO ke Indonesia adalah seperti di **Lampiran 2**.

#### **PERTANYAAN LANJUT**

Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut mengenai perkhidmatan analisis makanan untuk pengeksportan FFPO ke Indonesia, boleh menghubungi pegawai di Cawangan Makmal, Ibupejabat Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan di talian 03-88850797 atau melalui Sistem Pengurusan Aduan Agensi Awam (SisPAA), Kementerian Kesihatan Malaysia di <http://moh.spab.gov.my>.

LAMPIRAN 1

KRITERIA PENERIMAAN SAMPEL UNTUK PRODUK *FRESH FOOD OF PLANT ORIGIN* (FFPO)

PARAMETER	JENIS SAMPEL	BERAT MINIMUM	BEKAS / JENIS PEMBUNGKUS	SUHU PENYIMPANAN SEMASA PENGANGKUTAN	FI BAGI SATU PARAMETER (RM)
Residu Racun Perosak – Organofosforus	FFPO	1 kg	<i>Brown paper / plastik</i>	Suhu bilik	600
Residu Racun Perosak – Organoklorin	FFPO	1 kg	<i>Brown paper / plastik</i>	Suhu bilik	600
Residu Racun Perosak - Piretroid Sintetik	FFPO	1 kg	<i>Brown paper / plastik</i>	Suhu bilik	500
Mikrobiologi - Salmonella	Sayur- sayuran Lain-lain FFPO (selain sayur-sayuran)	250 g 500 g	Pembungkus steril / pembungkus asal	4 – 8°C	200
Mikrobiologi – E.coli	Sayur- sayuran Lain-lain FFPO (selain sayur-sayuran)	250 g 500 g	Pembungkus steril / pembungkus asal	4 – 8°C	150

**CARTA ALIR PERKHIDMATAN ANALISIS SAMPEL MAKANAN UNTUK  
PENGEKSPORTAN *FRESH FOOD OF PLANT ORIGIN* (FFPO) KE INDONESIA**

